

KRIM MICONAZOLE

A. APAKAH KEGUNAAN UBAT INI?



✚ Ubat ini digunakan untuk merawat jangkitan kulat seperti *athlete's foot*, *jock itch* dan *vaginal yeast*.

B. BAGAIMANA UBAT INI BERTINDAK?

✚ Ubat ini bertindak dengan menghalang pembentukan kulat.

C. BAGAIMANA UBAT INI DIGUNAKAN?

A. CARA GUNA

✚ Sapu ubat ini seperti diarahkan oleh doktor.



B. JIKA TERLUPA

✚ Sapu dos yang terlupa sebaik sahaja teringat TETAPI abaikan dos tersebut jika telah hampir masa untuk dos seterusnya.

C. BAGAIMANAKAH ANDA PERLU MENYIMPAN UBAT INI?

✚ Simpan ubat dalam bekas asal dan tutup rapat pada suhu bilik (23°C - 27°C), jauh dari haba, kelembapan dan cahaya matahari.

✚ Jauhkan daripada kanak-kanak.

D. PERINGATAN !!!



➤ **SEBELUM MENGAMBIL UBAT INI**

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- ✚ Mempunyai sejarah alahan/alergi kepada ubat ini

➤ **SEMASA MENGAMBIL UBAT INI**

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- ✚ Mengalami kesan sampingan yang berlarutan
- ✚ Mengalami alahan/alergi kepada ubat ini

AMARAN !!

SEKIRANYA
TANDA-
TANDA INI
BERLARUTAN
SILA
RUJUK
DOKTOR

E. KESAN SAMPING UBAT

✚ Pesakit mungkin akan mengalami kesan-kesan berikut:

- Sakit perut
- Demam
- Berdebar (degupan jantung tak sekata)
- Cecair vaginal berbau busuk

✚ Pesakit perlu melaporkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya mengalami kesan seperti berikut:

- Demam panas
- Sakit perut yang teruk

Rujukan:

- Lexicomp
- Drugs.com
- rxlist.com
- BNF 70
- medicinenet.com/
- netdoctor.co.uk
- Sisipan maklumat ubat

Sebarang pertanyaan mengenai ubat-ubatan, sila hubungi Jabatan Farmasi, Hospital Universiti Sains
Malaysia. 09-7673000 sambungan:

Unit Farmasi Klinikal dan Maklumat Drug : 3384/3386

Unit Farmasi Pesakit Luar : 3393/3394
